

# 53 pegawai dan kakitangan terima P.K.L

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 21 Jun. - Seramai 53 pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dikurniakan Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun.

Majlis penyampaian pingat-pingat tersebut diadakan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, disempurnakan oleh Menteri

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Pengurniaan pingat-pingat kepada para penerima adalah di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai tanda ataupun pengiktirafan akan ketekunan dan kesetiaan kerja serta mempunyai rekod yang bersih dan baik dalam perkhidmatan awam, di samping berkhidmat sekurang-kurangnya 20 tahun.

Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Maslina binti Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar) Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle; ketua-ketua fungsi serta pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.



**MENTERI** Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menyempurnakan penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun bagi Kementerian Kesihatan (kanan dan atas kanan).

## Pengeluaran sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek ke-146

Siaran Akhbar :  
Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 21 Jun. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), ejen kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengurus dan mentadbir pengeluaran Sukuk Al-Ijarah, dengan sukacitanya mengumumkan kejayaan penentuan harga bagi pengeluaran sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek ke-146.

Jumlah pengeluaran sukuk siri ke-146 adalah sejumlah BND100 juta, iaitu tarikh pengeluaran pada 15 Jun 2017, sementara tarikh matang adalah pada 14 September 2017 dalam jangka masa tenor selama 91 hari pada kadar sewa 0.6250 peratus.

Dengan pengeluaran tersebut, kerajaan Brunei setakat ini telah mengeluarkan lebih BND10.9782 bilion nilai Sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek, sejak tawaran pertama pada 6 April 2006 dan baki tertunggak pegangan jumlah Sukuk Kerajaan Brunei sehingga 14 September 2017 berjumlah BND393.2 juta.

## UNISSA- India bincang kerjasama pendidikan

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 21 Jun. - Negara Brunei Darussalam dan India terus berusaha untuk mengukuhkan hubungan dua hala dalam bidang pendidikan.

Usaha tersebut dizahirkan melalui kunjungan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick kepada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal di Kampus UNISSA, Gadong.

Kunjungan tersebut antara lain membincangkan ruang kerjasama dalam bidang pendidikan yang boleh diterokai di India.

Dalam perbincangan tersebut, India mengundang pihak UNISSA bagi mengadakan lawatan rasmi dan meninjau ke beberapa universiti di India yang menawarkan kursus dalam bidang perundangan.

Menurut PYT, pada masa ini terdapat beberapa universiti cemerlang di India yang menawarkan kursus / program berkenaan. Di samping itu, pihak PYT juga merancang untuk menjemput pakar ternama dari India untuk mengadakan kuliah

khas perundangan dalam masa terdekat. India juga berhasrat untuk membantu UNISSA dalam mengembangkan nama dan reputasinya ke pengetahuan masyarakat di India.

Setakat ini UNISSA telah mempunyai hubungan kerjasama dua hala dengan Darul Huda Islamic University (DHIU), Kerala, India, setelah termeterainya penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) pada 22 September 2016. Dua orang warganegara India sedang bertugas sebagai Pensyarah di UNISSA.

Sementara itu, sehingga kini seorang pelajar warga India telah berjaya menamatkan pengajiannya dalam bidang Sarjana Muda Syariah (Fiqh & Usul), dan seorang lagi sedang mengikuti program Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin. Pihak UNISSA sangat mengalu-alukan pelajar dari India khususnya untuk melanjutkan pengajian mereka di universiti ini.

Turut hadir dalam perjumpaan tersebut adalah Timbalan Rektor, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA.



**REKTOR** Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (dua, kanan) menyerahkan cenderahati kepada Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick semasa PYT mengadakan kunjungan di Kampus UNISSA, Gadong.